

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Institute of Excellence for IslamicJerusalem Studies (IEIJS)
Sent: Thursday, August 2, 2018 8:51 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; 'student@gsgsg.uum.edu.my' (student@gsgsg.uum.edu.my)
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah; Dr. Badariah binti Haji Din; Dr. Aminurraasyid Bin Yatiban
Subject: Dimensi Baru Kerjasama Strategik Institute of Excellence for IslamicJerusalem Studies (IEIJS) Bersama Negara Turki



INSTITUTE OF EXCELLENCE FOR
ISLAMICJERUSALEM STUDIES
Universiti Utara Malaysia



2 OGOS 2018 / 20 ZULKAEDAH 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



Pertemuan Kerjasama Strategik Bersama Kedutaan Turki dan IEIJS UUM serta penyerahan Monograf Baitulmaqdis. Dari Kiri, Prof. Abd Al-Fattah EL-Awaisi (Professor Pelawat, IEIJS UUM), Dr. Merve Kavakci (Duta Turki ke Malaysia), Dr. Aminurraasyid Yatiban (Pengarah, IEIJS UUM) dan Meor Muhammad Afif Aiman Abu Bakar (Fello Bersekutu/Calon PhD, IEIJS UUM).

KUALA LUMPUR 30 Julai – Turki adalah merupakan antara negara yang lantang memperjuangkan hak dan kebebasan negara Palestin. Malah ia juga antara negara Islam yang berpengaruh serta dikagumi. Beberapa bulan yang lepas Malaysia telah dikurniakan seorang Duta yang penuh kontroversi oleh Presiden Turki iaitu Dr. Merve Kavakci. Beliau merupakan seorang Ahli Parlimen Turki yang pertama memakai hijab ketika sidang dewan Parlimen Turki lalu telah menyebabkan beliau pernah ditarik hak kewarganegaraan Turki disebabkan tindakan tersebut.

Dr. Aminurraasyid Yatiban, Pengarah Institute of Excellence for Islamic Jerusalem Studies (IEIJS) diiringi oleh Prof. Dr. Abd Al-Fattah EL-Awaisi, Professor Pelawat IEIJS dan Meor Muhammad Afif Aiman Bin Abu Bakar Felo Bersekutu serta pelajar PhD IEIJS telah mengadakan sebuah kunjungan hormat keatas Dr. Merve Kavakci, Duta Turki ke Malaysia bagi menjalinkan kerjasama strategik diantara IEIJS dengan Negara Turki.

Pelbagai isu yang telah dibincangkan dalam pertemuan bersejarah tersebut terutamanya berkenaan perkembangan dan pembangunan akademik antara dua negara. Hal ini kerana, Dr. Merve Kavakci adalah merupakan bekas Professor di Turki dan Amerika Syarikat. Dunia akademik tidak asing lagi buat beliau.

“Pendidikan adalah sebuah Jihad dan Fisabilillah. Ia merupakan tanggungjawab semua muslim” kata Dr. Merve Kavakci.

Menurutnya lagi, “dengan bantuan UUM, kita harus bekerjasama bersama dalam membangunkan serta menambah baik sistem Pendidikan kedua-dua negara”.

Seperti umum mengetahui Dr. Merve Kavakci juga terkenal sebagai aktivis hak wanita selain memperjuangkan hijab di seluruh dunia. Oleh yang demikian, pertemuan ini telah membuka dimensi baru dalam kerjasama strategik antara Turki dan Malaysia yang diterajui oleh IEIJS UUM dalam memberikan penekanan penuh terhadap mengeksport tenaga pakar yang terdiri daripada golongan wanita ke negara Turki.

Duta Turki ini memaklumkan kepada rombongan IEIJS UUM akan keadaan semasa berkenaan diskriminasi ataupun perbezaan jantina di Turki yang memerlukan sebuah perubahan yang positif serta mengambil Malaysia sebagai model terbaik dalam merujuk hak kesaksamaan jantina dari segenap aspek kehidupan.

Beliau juga menggesa IEIJS untuk mengerakkan inisiatif ini dengan segera. “Kami Negara Turki amat berbangga dengan pencapaian dan agenda penubuhan IEIJS yang merupakan Institut yang Pertama di kalangan dunia Islam yang ditubuhkan dalam mefokuskan dunia islam serta baitulmaqdis”. Malah beliau juga berbesar hati untuk berkunjung ke UUM bagi memenuhi jemputan IEIJS dalam segala apa bentuk aktiviti yang dianjurkan oleh institut.- IEIJS ONLINE

=====

Institute of Excellence for IslamicJerusalem Studies (IEIJS)
Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), UUM
COLGIS
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
Tel: (604) 928 7770/7769/7766
Fax: (604) 928 7799
ieijs@uum.edu.my



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



IQA
International
Quality
Accreditation



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.